Source: *Berita Minggu,* p12
Date: 23 March 2025

Pantun dan kemanusiaan Melayu

Selain menjadi ikon budaya terkenal di Asia Tenggara, ia perlihatkan kebijaksanaan masyarakat Melayu

DR AZHAR IBRAHIM

Pameran 'Cipta Pantun. Cipta Rekod' yang mengumpulkan pantun Melayu pada 2022. Pantun tradisional mahupun yang ditulis pada zaman moden, boleh mengungkapkan nilai-nilai sejagat seperti berbudi, beradab dan bermaruah, tulis Dr Azhar. – Foto fail

> Seni mengungkapkan pantun harus diajarkan dalam kalangan anak muda dan dibudayakan dalam masyarakat.
> Menghargai pantun bukanlah setakat menganggapnya warisan nenek moyang kita, tetapi harus melihatnya sebagai sebuah bentuk puisi yang merentas zaman, kelompok, malah bahasa...
> Untuk menjadikan warisan nenek moyang kita ini salah satu warisan sastera dunia, kita harus tampilkan sisi kemanusiaannya dengan lebih tersusun.
>
> **– Penulis.**

"*Minta daun diberi daun*
Dalam daun ada bidara
Minta pantun diberi pantun
Dalam pantun ada bicara"

Pantun ialah sebuah bentuk puisi tradisional atau lafaz ungkapan beritma yang hayatnya dalam sejarah kebudayaan di Nusantara terbukti sangat panjang.

Pantun hidup berzaman dalam ranah lisan dan budaya bertulis. Pantun terpakai dalam pelbagai kelompok dan kelas sosial, dari penguasa dan rakyat, dari yang pandai dan awam, dari marhaen dan berpunya.

Sejak zaman-berzaman, pantun telah menyubur dan tersebar di berbagai daerah rantau ini. Pantun hidup dalam upacara adat, majlis perkahwinan, lagu tradisional, dan keramaian rasmi. Pantun sering menjadi pembuka tirai dan penutup majlis, menjadi pemanis yang mengikat.

Kini pantun adalah ikon budaya yang paling terkenal di dunia maritim Asia Tenggara. Setiap negara di rantau ini, khasnya yang memiliki penutur bahasa Melayu-Indonesia, yakni Indonesia, Malaysia, Brunei, Singapura, termasuk di Selatan Thailand, Selatan Filipina dan Timor Leste, pantun sudah dikenali umum dan dapat dilantun.

Pantun sendiri pelbagai sifatnya. Ada pantun jenis dua kerat yang sering menjadi permainan kata dalam kalangan anak-anak muda.

Pantun empat kerat, dengan tema yang berbagai, terus popular. Sampaikan kepelbagaian pantun mencerminkan dunia Nusantara yang luas dan serba rencam.

Sesungguhnya pantun memperlihatkan kebijaksanaan kolektif masyarakat Melayu. Paling unik ia adalah bentuk puisi yang bukan saja menekankan alun ritma tetapi sangat memerlukan respons spontan.

Apabila pantun dijual dibeli, yakni dilantun dan dibalas pula, itulah sebenarnya sifat pantun. Ia mestilah diadukan. Ia semacam sebuah dialog.

Pantun dapat mengajar manusia Melayu pada tiga perkara utama. Pertama, ia membikin kita peka kepada persekitaran kerana pantun adalah respons puitis, selain latar alam sering menjadi sampiran pantun.

Kedua dengan berpantun, kita tangkas menyusun dan memilih perkataan, dengan suku kata dan ritma yang bertepatan.

Ketiga, ia memberi kita kemampuan menterjemah maksud dalam ungkapan yang ada kiasan dan sedap didengar.

PANTUN DAN PANDANGAN DUNIA MANUSIA MELAYU

Dari pantun-pantun lama, boleh kita membuat pemetaan tentang nilai-nilai universal dan partikular yang dianjur dalam masyarakat Melayu, sekali gus dapat kita menilai taburan dan ruang lingkup kemanusiaan kita telah berkembang di rantau kita.

Sama ada pantun tradisional mahupun pantun yang ditulis pada zaman moden, ia telah dan boleh mengungkapkan nilai-nilai sejagat.

Antara nilai yang paling menonjol ialah: berbudi, beradab, bermaruah dan bermartabat bertimbang rasa, merendah diri, bersopan-santun, bergotong-royong, berkasih-kasihan, berlaku adil, berilmu dan berhemah.

Deretan nilai-nilai ini sekaligus adalah cerminan pandangan dunia masyarakat Melayu lama yang tentunya terdapat beberapa kesinambungannya sehingga hari ini.

Dalam pandangan dunia dan sistem nilai masyarakat Melayu, menjadi orang yang berbudi diidamkan sebagai jalan kebaikan dan kesempurnaan. Dalam pantun-pantun lama, terungkap sebegini:

"*Hari hujan naik ke sampan*
Dari kuala patah kemudi
Mati ikan kerana umpan
Mati saya kerana budi
Baik-baik bertanam ubi
Biar rapat jangan menjarang
Baik baik bertanam budi
Biar dapat dikenang orang
Bunga melati bunga di darat
Bunga seroja di tepi kali
Hina besi kerana karat
Hina manusia tidak berbudi."

Pantun tersemat atau diketemukan dalam perbilangan adat, dalam hikayat, dalam syair selain banyak lagi pantun berkait.

Lirik dalam semua lagu Melayu tradisional adalah sebenarnya berbentuk pantun, baik lagu asli, zapin, ghazal dan dondang sayang. Dalam dikir barat, pantun kadang menjadi sebahagian dalam lirik persembahan ini.

Malah dalam ungkapan tradisional Melayu, ada ungkapan yang memerikan betapa luas pantun dilantun dalam masyarakat, dengan segala sifat dan seginya. Sebagaimana yang telah disusun oleh Pak Tenas Effendy:

"*Di mana orang behimpun, di sana pantun dilantun*
di mana orang berbual, di sana *pantun dijual*
di mana orang berhelat, di sana pantun melekat
di mana orang berkampung, di sana pantun bersambung
di mana orang beramai, di sana pantun dipakai
di mana orang banyak, di sana pantun terbawa
di mana orang berunding, di sana pantun bergandeng
di mana orang bermufakat, di sana pantun diangkat"

Pantun sering bermuatan nasihat dan renungan, kadang ejekan dan usikan. Ia ditampilkan dalam bentuk yang sederhana, tidaklah kompleks atau rumit untuk difahami, pesanan dan renungan.

Pantun yang mengandungi nilai-nilai yang dianjurkan dalam masyarakat Melayu, tentunya tidak dapat dipisahkan dengan nilai-nilai Islam, agama yang menjadi anutan utama masyarakat Melayu.

Sehingga disebut sedemikian "apa guna pantun disemak, di dalamnya ada adat dan syarak." Sekali lagi yang disusun Pak Tenas Effendy, berbunyi "apa guna pantun Melayu, menyebarkan syarak meluaskan ilmu" dan "apa guna pantun Melayu, menyebarkan syarak membersihkan kalbu", sekali gus dilengkapi dengan penjelasan:

"*Apa guna pantun dibuat, pantun dibuat mengajari umat*
mengajari ilmu dunia akhirat
mengajari syarak beserta adat
mengajari hakikat serta makrifat
mengajari orang mengenal kiblat
mengajari amal serta ibadat
supaya hidup tidak tersesat
bila mati beroleh rahmat"

KEMANUSIAAN MELAYU

Kemanusiaan itu adalah lafaz dan nilai universal yang terungkap dalam setiap budaya manusia. Dalam sejarah, lafaz ungkap ini berlangsung dan ada budaya yang membangunkan ia lebih dari yang lainnya.

Sering kali ungkapan kemanusiaan itu dikenalpasti dan ditinjau dari ungkapan dari karya besar yang telah dikategorikan sebagai kanon seperti *Taj Us Salatin* dan *Bustanul Salatin* dalam khazanah sastera Melayu.

Kemanusiaan Melayu yang terjelma dalam pantun adalah sisi universalnya yang tidak dapat tidak harus kita membicarakannya.

Kita boleh menyebut kemanusiaan ini sebagai *folk humanism* ataupun humanisme rakyat yang terungkap dalam bentuk sederhana dengan fokus kepada muatan isi yang berselang dengan perlambangan dan maksud.

Sifat kemanusiaan yang ada dalam pantun terpantul dalam bentuk dan isinya. Lafaznya sendiri mempunyai ciri-ciri yang boleh disifatkannya sebagai manusiawi.

Pertama, pantun itu membumi sifatnya, bukan pelarian dalam alam imaginasi, ia konkrit dalam penyampaian mesej atau idea, tanpa menjadi sesuatu biasa-biasa pula.

Pantun boleh menyampaikan mesej dengan jelas dan padat tanpa samaran. Sebaliknya, menyampaikan niat atau idea dalam perlambangan yang tersisip dengan makna dan pesan yang mahu disampaikan.

Kedua, dalam lantunan pantun, kita boleh lihat manusia yang merasa, manusia yang berperi katanya, manusia yang menenangkan dalam berungkapan. Kebersamaan kita merasakan kepedihan, kegundahan dan kerinduan orang lain yang tersebut dalam pantun.

Ketiga, sisi pendidikan dalam pantun juga sangat ketara. Sifat mengajar atau membimbing tanpa ada deklarasinya secara tegas untuk mendidik.

Malah, ia boleh menjadi sangat berkesan apabila ia terlafaz dalam bentuk yang padat dan singkat, tidak berjela-jela, dengan strukturnya yang beritma dan susunan perkataan yang berimbang. Ini sekali gus memudah ingatan dan hafalan, satu sisi yang sangat penting dalam pendidikan yang berkesan.

YANG TERSURAT TERSIRAT, YANG AKLI ROHANI

Bentuk pantun ada dua unsur mendasar yang tersirat dan tersurat, terseganding dalam barisan pembayang dan maksud, sekali gus mencermin dalam kehidupan dan kepercayaan kita yang melihat dunia dalam sisi zahir dan batinnya.

Nasihat demi nasihat sering terpantul dalam pantun, dilantun bersahaja, seperti ingatan yang boleh membuat orang mengingatkan ia semudah menghafalnya. Seperti dipantunkan orang:

"*Hendak berlayar di Teluk Betong*
Sambil mencuba labuhkan pukat
Bulat air kerana pembetung
Bulat manusia kerana mufakat
Kemumu ditengah pekan
Dihembus angin jatuh ke bawah
Ilmu yang tidak diamalkan
Bagai pohon tidak berbuah"

Titik tolak dalam kemanusiaan ini adalah kebajikan masyarakat dan individu harus terpelihara dan terus diperkembangkan mutunya.

Kemanusiaan sebagai cara fikir dan gagasan nilai yang didakapi, bertunjang dari semangat bahawa manusia boleh mencapai kesempurnaan dan kebaikan, pada diri sendiri dan pada alam dan manusia di sekelilingnya.

Kemanfaatan atau maslahat umum harus terjamin. Inilah yang disebut anjuran kolektif. Sebagai sebuah bentuk puisi yang anjal sifatnya, pantun boleh mengungkapkan citra yang tradisional tetapi juga boleh menjadi ungkapan yang sangat kontemporari dengan kritik sosialnya sekali.

Inilah yang telah digubal di tangan seorang penyair Melayu, yang sangat merakyat dalam jiwanya, yakni Usman Awang. Beliau pernah merubah pantun tradisional menjadi kritik sosial yang sangat pedas tetapi sangat bersahaja dalam usikan dan sendaannya.

"*Nasi lemak buah bidara*
Daun ketupat saya lurutkan
Tinggallah emak tinggallah saudara
Kerana pangkat anakanda turutkan
Malam mengemping antan berbunyi
Kukur kelapa bertih di kuali
Orang miskin bertanam padi
Orang kaya datang mencuri"

Alunnya lembut, namun pesannya menyangkut.

Pantun mencermin etos kebudayaan Melayu yang kehadirannya berkesinambungan dari zaman ke zaman, memperlihatkan daya tahannya.

Walau budaya lisan yang melahirkan pantun sudah lama digantikan dengan budaya menulis dan mencetak, pantun masih dekat di hati para peminatnya.

Seni mengungkapkan pantun harus diajarkan dalam kalangan anak muda dan dibudayakan dalam masyarakat.

Menghargai pantun bukanlah setakat menganggapnya warisan nenek moyang kita, tetapi harus melihatnya sebagai sebuah bentuk puisi yang merentas zaman, kelompok, malah bahasa.

Dalam sejarah puisi dunia, pantun telah menempatkan dirinya sebagai salah satu bentuk puisi yang unik.

Untuk menjadikan warisan nenek moyang kita ini salah satu warisan sastera dunia, kita harus tampilkan sisi kemanusiaannya dengan lebih tersusun.

Dapat kita butirkan empat segi kegunaan pantun yang boleh dirumuskan sebagai kemanusiaan pantun.

Pertama, pantun itu menghendakkan kita petah dan halus melantun. Ini adalah aspek elokuen atau lafaz.

Kedua, pantun menghendakkan kita santun, yakni beretiket sopan manis dalam berhujah atau bicara.

Ketiga, pantun menghendakkan kita bersedia menuntun, yakni sisi bersedia berbagi, menolong dan berperikemanusiaan kepada orang-orang di sekeliling kita yang memerlukan.

Keempat, pantun boleh mengakrabkan sesama kita, lenggok pantun yang berlirik dan kadang mengusik menjadikan kita untuk dapat hidup harmonis dan rukun.

Bila pantun terungkap, kita sebenarnya telah masuk ke dalam kemanusiaan bersama, dan warisan ini harus kita perpanjangkan buat semua, seperti disimpulkan dalam madah yang berbunyi begini:

Banyak hikmah orang berpantun
Ia penyedap lafaz melantun
Banyak langgam orang berpantun
Ia penyejuk hidup bersantun
Banyak budi orang berpantun
Ia membekal bakti menuntun
Banyak orang ria berpantun
Ia memberkat akrab merukun.

Teruslah kita berpantun agar kemanusiaan Melayu itu boleh melantun, menyantun, menuntun, dan merukun. Kemuncak inilah yang harus kita bilang dan menerang.

▶ *Dr Azhar Ibrahim Alwee ialah Pensyarah Kanan di Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Nasional Singapura. Beliau juga Naib Pengerusi Majlis Bahasa Melayu Singapura, selain Ketua Perwakilan Mastera, Singapura. Dr Azhar antara panel penulis yang diundang khas Berita Minggu (BM) untuk mengupas isu bahasa, budaya dan warisan.*

Source: Berita Minggu © SPH Media Limited. Permission required for reproduction.